

Hakimi Kerajaan BN Berdasarkan Perancangan Untuk Negara Bukan Dengan Berdebat - Shafie Bernama
29 Mei, 2012

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Kerajaan Barisan Nasional (BN) harus dinilai daripada sudut perancangan yang telah dan akan dilakukan dalam memajukan rakyat dan negara, bukan melalui medium perdebatan, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah itu berkata kemampuan dan kredibiliti kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak selaku Perdana Menteri harus dinilai oleh rakyat melalui pelbagai idea yang dikemukakan dalam memacu pembangunan negara walaupun baru tiga tahun mengetuai kerajaan.

"Biar rakyat hakimi kami, bukannya menerusi perdebatan tetapi hakimi kami menerusi apa yang kami telah lakukan...Najib baru tiga tahun menjadi perdana menteri.

"Anda boleh buat penilaian...dalam tempoh ini beliau telah berjaya melahirkan banyak idea bernas untuk membangunkan negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pameran IBS dan Hartanah MARA di Menara Mara di sini, Selasa.

Beliau ditanya sama ada perdebatan Najib dan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu dan akan diadakan berikutan ramai yang mahukan perdebatan dua personaliti itu dilakukan secepat mungkin.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=669573>